

Stokis kemuka saman terhadap Sajat

SHAH ALAM - Seorang stokis bengkung mengemukakan tuntutan saman fitnah terhadap usahawan Muhammad Sajjad Kamaruzzman atau Nur Sajat agar membuat permohonan maaf kerana mendakwa menjual produk tiruan.

Stokis tersebut, Suzyyana Sulaiman turut memohon ganti rugi berikutan barangannya dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hak Ehwat Pengguna pada Mei lalu.

Peguam yang mewakili Suzyyana, Nurul Hafidzah Hassan berkata, surat tuntutan tersebut telah dihantar semalam.

"Surat tuntutan itu keluar daripada firma guaman ini hari ini (semalam), namun saya tidak pasti sama ada dia (Sajat) sudah menerimanya," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, Sajat diberi tempoh 14 hari untuk menjawab tuntutan itu sebelum tindakan seterusnya diambil.

Menyentuh mengenai ganti rugi, pihaknya belum memutuskan jumlah tersebut.

"Anak guam kami mengalami kerugian akibat dakwaan produk itu tiruan sedangkan Suzyyana merupakan stokis sah," katanya.

Terdahulu, firma guaman itu, NHA Advocates & Solicitors dalam kenyataan medianya mengesahkan pihaknya dilantik oleh Suzyyana untuk memulakan tindakan saman sivil terhadap Muhammad Sajjad.

Pada 25 Jun lalu, lelaki itu mendedahkan tiga produk keluaran syarikatnya termasuk bengkung didakwa diciplak oleh pihak tidak bertanggungjawab.

FOTO : SHARIFUDIN ABDUL RAHIM



Sajat ketika hadir di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur pada 25 Jun lalu menunjukkan produk bengkungnya yang didakwa diciplak.